

Headline
Date
Media Title
Section
Circulation
Readership

Ikon pendidikan di Pantai Timur
30. Apr 2008
Berita Harian
Sentral
217920
2083000

Language **MALAY**
Page No **B13**
Article Size **1230 cm2**
Frequency **Daily**
Color **Full Color**



Ikon pendidikan di Pantai Timur

Shahputra mahu kecemerlangan berterusan, dapat kepercayaan IPTA adakan program usaha sama

Oleh Samsudin Awang

SELPAS 11 tahun melahirkan graduan dalam pelbagai bidang kini Kolej Shahputra terus cemerlang sebagai ikon pendidikan di Pantai Timur selaras dengan perkembangan prasarannya yang serba lengkap dan berkongsep moden.

Kecemerlangan berterusan yang menjadi agenda utama kolej itu sejak awal penubuhannya lagi, berjaya menyahut seruan kerajaan membangunkan modal insan secara menyeluruh sehingga peringkat global.

Hasil usaha itu, Kolej Shahputra turut diberi kepercayaan oleh beberapa institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang terkemuka, untuk menjalankan usaha sama bagi program pengajian dari universiti berkenaan.

Universiti berkenaan yang mendahului senarai IPTA tempatan dalam bidang pengajian masing-masing adalah Universiti Teknologi Mara (UTM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Antara program pengajian yang ditawarkan termasuklah Diploma Kejuruteraan (UITM), Diploma Komunikasi dan Media (UITM), Diploma Pengurusan Perniagaan (UPM), Diploma Pengurusan Harta Tanah (UTM) dan Diploma Sains Komputer (Multimedia) UTM.

Kesemua program dijalankan adalah berpandukan sepenuhnya kepada piawai pengajian dari universiti berkenaan yang mana konvokesyen pelajar juga diadakan bersama dengan pelajar di semua universiti terbabit.

Ini bererti, pelajar mengikuti pengajian di Kolej Shahputra, tetapi memperoleh pentauliahan dan pensijilan mereka dari universiti berkenaan setaraf dengan pelajar yang mengikuti pengajian di IPTA.

Bagi memastikan setiap pelajar sentiasa cemerlang pencapaian akademik mereka, Kolej Shahputra mempunyai tenaga pengajar yang dikirif sehingga ke peringkat antarabangsa untuk membantu pelajar pada bila-bila masa.

Malah pensyarah di Kolej Shahputra adalah tenaga pengajar sepenuh masa yang memberi komitmen penuh dalam membimbing pelajar tanpa terhad di kelas atau pada waktu kuliah saja.

Kompleks akademik Kolej Shahputra yang berdiri gah di Bandar Indera Mahkota Kuantan turut menyediakan pelbagai prasarana dan persekitaran yang kondusif bagi menajir pelajar yang dapat kemudahan terbaik dan seterusnya membantu pelajar belajar dalam keadaan selesa serta serba lengkap.

Selain itu, kos yuran pengajian yang amat minimum menambah keyakinan ibu bapa memilih Kolej Shahputra sebagai pusat pengajian anak mereka kerana pihak kolej sediri turut membantu pemohonan pelajar mendapat pembiayaan daripada Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional (PTPTN) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Pengerusi Eksekutif Kolej Shahputra, Datuk Dr Azman Zaini Abd Ghanie berkata pihaknya amat mengutamakan kualiti graduan dan kebajikan mereka sepanjang pengajian supaya kolej berkenaan mampu memenuhi keperluan pendidikan setiap lapisan masyarakat seluruh negara.

"Yuran penginapan yang amat minimum iaitu RM100 sebulan termasuk kos air, elektrik dan pengangkutan, diharapkan dapat mengislah pandangan masyarakat yang berpersepsi kolej swasta hanya mementingkan keuntungan semata-mata tanpa memikirkan kebajikan para pelajar."

"Kolej Shahputra amat menekankan



TERSERGAH INDAH: Kolej Shahputra di Bandar Indera Mahkota atau BIM Point, Kuantan.

konsep kekeluargaan yang mana hubungan rapat dan saling ambil berat diamalkan antara pelajar, tenaga pengajar mahupun kakitangan pentadbiran supaya budaya prihatin diwujudkan," katanya.

Menurut Azman, nilai murni yang diamalkan itu membantu meningkatkan

kepercayaan dikalangan ibu bapa untuk memilih kolej itu untuk anak mereka bukan saja penduduk di Pantai Timur, malah seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Bagi sesi pembelajaran Mei/Jun 2008, peluang turut dibuka kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi

Pelajaran Malaysia (STPM) dan diploma untuk menyambung pengajian mereka melalui pendaftaran secara online di laman web www.kolejshahputra.edu.my.

Turut ditawarkan, program terbaru Diploma Kejuruteraan Kolej Shahputra yang mana syarat kemasukan amat mi-

nimum ditetapkan iaitu hanya tiga kredit termasuk lulus Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik.

Sebarang maklumat lanjut, boleh menghubungi Jabatan Pemasaran Kolej Shahputra di talian 09-5737777 atau melayari laman web www.kolejshahputra.edu.my.



HASIL KEGIHGAN: Sebahagian pelajar yang menyertai Majlis Konvokesyen Program Kerjasama UPM-IPTS ke-9 di Shahputra, tahun lalu.



SEMAI MODAL INSAN: Sebahagian pelajar Kolej Shahputra dan pekerja Majlis Perbandaran Kuantan bergotong-royong membersihkan sekitar Pantai Balok di Kuantan, semalam.



Kolej Shahputra amat menekankan konsep kekeluargaan yang mana hubungan rapat dan saling ambil berat diamalkan antara pelajar, tenaga pengajar mahupun kakitangan pentadbiran supaya budaya prihatin diwujudkan"

Dr Azman Zaini Abd Ghanie
Pengerusi Eksekutif Kolej Shahputra